



Petua beraya dalam kumpulan

TIDAK dinafikan berlaku beberapa kejadian kurang enak dilaporkan media kala kanak-kanak berhari raya. Pesan Dr Mohammad (gambar kiri), sekiranya ibu bapa yakin serta kenal dengan teman dan ke mana anak mereka ingin beraya, dalam keadaan persekitaran selamat, barulah boleh dibenarkan.

Bagaimanapun, jika sebaliknya adalah lebih baik ibu bapa tidak

menbenarkan anaknya pergi berhari raya dalam kumpulan yang besar. Ada eloknya ibu bapa sendiri yang pergi berhari raya ke rumah teman anak-anaknya kerana ia lebih selamat.

"Dalam kumpulan beraya 10 orang contohnya, pastikan ada seorang dewasa yang berumur 20 tahun yang bertindak sebagai ketua."

"Ketua ini perlu kenal rapat kanak-kanak yang dibawa beraya,

Kalau tidak kenal atau kenal sikit-sikit saja, usah pula anda benarkan kerana kemungkinan ketua ini tidak perasan sekiranya anak anda itu tertinggal dalam senarai kumpulan itu.

"Usah mengambil risiko sekiranya anda berasa was-was atau tidak biasa dengan lokasi anak-anak ingin tuju kerana lebih baik berwaspada kerana jerat tidak pernah melupakan mangsa," katanya.



KANAK-KANAK gembira apabila mendapat duit raya.